

**SOALAN LAZIM**  
**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**  
**(PPSM Ceraian SR.5.3.1)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah penambahbaikan kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam ini berkuat kuasa?	Penambahbaikan seperti Perkara 3(i) dan 3(ii) Ceraian SR.5.3.1 adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.
2.	Sekiranya tempoh haji pegawai adalah 28 hari, berapakah tempoh Cuti Haji yang boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan?	Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan tempoh Cuti Haji sebanyak 28 hari mengikut tempoh sebenar atau sehingga 40 hari.
3.	Sekiranya tempoh haji pegawai adalah 50 hari, berapakah tempoh Cuti Haji yang boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan?	Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh berdasarkan tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji iaitu sebanyak 50 hari.
4.	Sekiranya tempoh haji pegawai adalah 35 hari, pegawai memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Haji sebanyak 40 hari. Bolehkah Ketua Jabatan meluluskan sebanyak 40 hari?	Boleh.  Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji yang dipohon oleh pegawai iaitu sebanyak 40 hari.
5.	Pegawai telah diluluskan Cuti Haji sebanyak 40 hari. Atas kepentingan perkhidmatan, pegawai memohon untuk memendekkan tempoh Cuti Haji kepada 20 hari. Bolehkah Ketua Jabatan meluluskan permohonan pemendekkan Cuti Haji pegawai tersebut?	Boleh.  Ketua Jabatan boleh meluluskan permohonan pemendekkan Cuti Haji pegawai tersebut kepada 20 hari dan hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
6.	Tempoh haji yang ditetapkan oleh pengelola Haji kepada pegawai adalah sebanyak 43 hari. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan telah meluluskan Cuti Haji sebanyak 40 hari. Adakah kelulusan Cuti Haji pegawai teratur?	<p>Tidak teratur.</p> <p>Peraturan yang berkuat kuasa menetapkan bahawa Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh 40 hari atau berdasarkan tempoh yang ditetapkan oleh pengelola Jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.</p>
7.	Adakah Cuti Haji akan menjejaskan kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai?	<p>Ya.</p> <p>Tempoh Cuti Haji adalah termasuk dalam tempoh perkhidmatan yang tidak melayakkan bagi tujuan pengiraan kelayakan cuti.</p>
8.	Adakah pegawai lantikan tetap tetapi masih belum disahkan dalam perkhidmatan layak memohon Cuti Haji?	<p>Layak.</p> <p>Pegawai lantikan tetap tetapi masih belum disahkan dalam perkhidmatan layak memohon Cuti Haji kerana syarat pengesahan dalam perkhidmatan telah dimansuhkan dalam penambahbaikan ini.</p>